

26 NOV 1997

LIMA-bersih

PENGANJUR JAMIN KEBERSIHAN LIMA 97

LANGKAWI, 26 Nov (Bernama) -- Le Proton LIMA Sdn Bhd, penganjur bersama Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA `97) mulai 2 hingga 7 Dis ini memberi jaminan bahawa tahap kebersihan akan dipertingkatkan.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Radzi Manan berkata sebanyak 50 tandas bergerak akan disediakan di sekitar balai pameran Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Padang Matsirat sebagai kemudahan kepada orang ramai.

"Usaha itu selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tahap kebersihan perlu ditingkatkan terutama di kawasan pameran", katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Radzi berkata penganjur juga akan memastikan bahawa kawasan pameran seratus peratus bersih begitu juga di "apron" (tempat letak pesawat).

Orang ramai yang melawat ke kawasan itu juga tidak dibenarkan membawa sebarang makanan dan minuman, katanya.

Radzi juga meminta para peniaga dan restoran di kawasan balai pameran sentiasa memastikan tahap kebersihan terjaga.

"Pihak penganjur tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mereka yang tidak menjaga kebersihan sepanjang berlangsungnya pameran itu," katanya.

LIMA 97 dijangka akan menarik lebih ramai pengunjung dalam dan luar negeri berikutan penyertaan ramai syarikat dan pesawat luar negara.

Tinjauan di sekitar balai pameran itu mendapati kerja-kerja persiapan giat dijalankan dan dianggarkan 100,000 pengunjung akan berkunjung ke LIMA 1997 berbanding 75,000 pada LIMA 1995. -- BERNAMA

ZI WAT